

Penyelidik disaran kaji punca banyak tanah terbiar



Dr Ghauth melancarkan Thohira Sinbiotik sambil diperhatikan Dr Aini pada Majlis Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Ke-43 UPM 2019 di Serdang.

(Foto Rosela Ismail /BH)

Serdang: Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) disaran membuat kajian mengapa banyak tanah, terutama di kampung terbiar dan tidak dibangunkan dengan pertanian.

Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dr Ghauth Jasmon, berkata kajian itu termasuk bagaimana untuk mengubah sikap penduduk dan menggalakkan mereka bercucuk tanam, sekali gus mampu menjana pendapatan.

"UPM perlu menjadi institusi peneraju dalam mengangkat pertanian sebagai industri utama di negara ini, seterusnya membawa Malaysia menerajui sektor pertanian dunia. Sejajar matlamat itu, bijak pandai di universiti ini perlu meneroka idea, konsep dan inisiatif baharu selari perkembangan teknologi dalam sektor berkenaan.

"Persepsi umum menganggap UPM sinonim dengan pertanian walaupun kita mempunyai pelbagai pengajian dan disiplin lain. Dalam kita terus cuba melonjakkan

bidang penyelidikan dan kebolehpasaran graduan, jangan lupa UPM diyakini umum sebagai peneraju dalam pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Ke-43 UPM 2019 dengan tema 'Sekuriti Makanan dan Kesejahteraan Rakyat'

Kajian termasuk bagaimana untuk mengubah sikap penduduk dan menggalakkan mereka bercucuk tanam, sekali gus mampu menjana pendapatan.

Dr Ghauth Jasmon,
Pengerusi Lembaga Pengarah UPM

di sini yang turut dihadiri Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, semalam.

Sementara itu, Aini berkata, penyelidikan UPM dapat menangani isu pertanian berkaitan pengeluaran, pemprosesan, bioteknologi, teknologi hijau dan pengurusan sumber yang mampan.

"Dari segi perkhidmatan profesional, UPM menjalankan program bersama pengusaha pertanian, sama ada melalui pengembangan atau penyelidikan penyelesaian masalah di ladang pengusaha," katanya.

Pada majlis itu, Ghauth turut melancarkan produk penyelidikan UPM, iaitu 'Thohira Sinbiotik', gabungan campuran bakteria probiotik dan prebiotik yang dirumus khas untuk meningkatkan hasil ternakan spesies akuatik seperti ternakan ikan dan udang.

Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Ke-43 UPM 2019 berlangsung enam hari bermula semalam di Bukit Ekspo, UPM.